

**Majlis Ulama Negara wajar dipengerusikan Yang di-Pertuan Agong
Utusan Online
27 Julai, 2012**

SEREMBAN 26 Julai - Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan menyokong cadangan penubuhan Majlis Ulama Negara yang boleh memainkan peranan lebih besar dalam menguruskan pentadbiran agama Islam di negara ini.

Menurutnya, majlis tersebut juga sewajarnya dipengerusikan oleh Yang di-Pertuan Agong sesuai dengan peranan besar yang akan dimainkannya.

"Skop dan peranannya lebih besar dan keanggotaannya juga akan melibatkan pemikir Islam supaya percambahan idea dan pandangan dapat dikumpulkan serta dijana dalam satu landasan bagi mewujudkan pentadbiran Islam yang kemas di negara ini," katanya kepada *Utusan Malaysia* di pejabatnya di sini hari ini.

Bagaimanapun katanya, beliau tidak bersetuju jika majlis tersebut dijadikan sebagai sebahagian daripada parti.

"Jika majlis ulama itu hendak dijadikan satu sayap dalam UMNO, saya menyerahkannya kepada ahli Majlis Tertinggi UMNO serta Jawatankuasa Pengurusan parti untuk membuat keputusan.

"Memadailah dengan diwujudkan Biro Agama dalam UMNO seperti yang ada hari ini. Ulama ini luas maksudnya, ada yang muda, tua malahan ada juga wanita.

"Kita dalam soal agama ini, janganlah berparti sangat. Kalau kita buat Majlis Ulama Negara, ramai yang boleh menyertainya tetapi jika ia dibuat dalam parti, ia tidak berapa sesuai sedangkan mereka yang tidak menyertai parti, ada yang lebih warak dan alim," tegasnya.

Beliau juga menjelaskan, Islam yang diamalkan di negara ini adalah untuk membantu mentadbir sesebuah negara, bukannya Islam yang diuar-uarkan bagi mentadbir parti politik.

"Kadangkala ada parti yang menonjolkan mereka lebih Islam daripada orang lain. Itu tidak betul. Kita bukan hendak berlawan dan menyatakan siapa lebih Islam dalam menubuhkan majlis ini.

"Apa yang penting ialah pentadbiran Islam itu perlu diperkukuhkan, maka adalah lebih baik Majlis Ulama Negara ditubuhkan daripada majlis ulama dalam parti politik," ujarinya.

Pada masa yang sama, Mohamad juga menyarankan keanggotaan Majlis Ulama Negara itu kelak turut disertai wakil ulama daripada majlis agama Islam setiap negeri.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source: http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20120727/dn_10/Majlis-Ulama-Negara-wajar-dipengerusikan-Yang-di-Pertuan-Agong